

**PEMAHAMAN TERHADAP CHOO-ON DALAM KALANGAN PELAJAR CINA
YANG MENGAMBIL BAHASA JEPUN
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

NORMALIS AMZAH
normalis@ukm.edu.my
PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN LINGUISTIK
FSSK, UKM

KERRY LEE SIOW PING
kerrylee95@hotmail.com
PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN LINGUISTIK
FSSK, UKM

ABSTRAK

This study is conducted with the aim to understand the comprehension of Malaysian Chinese native speakers of Japanese language learner in National University of Malaysia (UKM). The framework of the study was established based on the Contrastive Analysis Theory in second language acquisition. The theory was formulated with a claim that the similarity and the difference of linguistics attributes of the learners' native language and the second language have significant impact towards the learners' second language acquisition. There are two objectives for this study, first is to analyze the similarities and the differences in the phonetic system particularly long and short vowel between Japanese language and Mandarin. Second objective is to investigate the Chinese students' ability to differentiate the long and short vowel in Japanese language. The respondents consist of Chinese speaking Malaysian student in UKM who are learning Japanese language as second or foreign language at the university. The instrument to investigate the respondents' ability is the error analysis method in long and short vowel Japanese language listening task. The findings show that the respondents find it difficult to differentiate the long and short vowel of /a/, /i/, /u/ compared to the other vowels. Specifically, for the respondents, the long and short vowel of /a/ in the front of a word is more difficult to differentiate than the long and short /a/ vowel in the middle of a word. On the contrary, the respondents incline to make mistake towards long and short vowel of /i/ and /u/ that is situated in the centre of a word. The findings of the study contribute to the understandings of Japanese language teacher in Malaysia who usually have students from various background such as Malay and Chinese. The teacher might not be aware of the different background of language and culture which are different from the language and culture of the teacher themselves.

PENGENALAN

Berdasarkan laporan soal selidik pendidikan bahasa Jepun di luar negara oleh The Japan Foundation pada tahun 2015, didapati bahawa di Malaysia, minat untuk belajar dan menguasai bahasa asing kini semakin meningkat di dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ini adalah kerana masyarakat Malaysia mempunyai kesedaran mengenai kepentingan menguasai bahasa selain bahasa ibunda yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian. Pada tahun 2015, terdapat 33

ribu orang yang belajar bahasa Jepun di Malaysia. Budaya Jepun yang semakin berkembang telah menyebabkan peratusan pelajar mempelajari bahasa Jepun semakin meningkat. Khususnya apabila bentuk hiburan seperti lagu Jepun, anime dan drama Jepun yang semakin berkembang di Malaysia.

Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan boleh dikatakan sebagai antara kajian awal yang meneroka bagaimana bahasa ibunda atau bahasa pertama mempunyai pengaruh dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing (Corder, 1967). Ramai penyelidik bersetuju bahawa bahasa ibunda pelajar akan mempengaruhi pengucapan bahasa sasaran seseorang. Berdasarkan perkara ini, sebarang perbezaan dalam ciri bahasa asing dan bahasa ibunda dirumuskan akan mempunyai kecenderungan untuk menghalang atau mempengaruhi pemahaman pelajar terhadap bahasa asing.

Dalam bahasa Jepun terdapat perbezaan sebutan vokal panjang dan vokal pendek tetapi fakta ini tidak ditemukan dalam bahasa Mandarin. Sebagai contoh dalam bahasa Mandarin bunyi / i / wujud, tetapi sama ada vokal itu panjang atau pendek tidak membeza perbezaan dari segi makna, yang membezakan makna dalam bahasa Mandarin ialah nada. Dalam satu suku kata, perubahan nada menyebabkan perubahan makna dalam bahasa Cina tetapi tidak dalam bahasa Jepun. Oleh itu, penutur mandarin mungkin tidak dapat menyedari perbezaan tersebut.

Walaupun beberapa kajian vokal panjang dan vokal pendek pernah dibuat tetapi kajian yang meneroka keliruan penggunaan vokal panjang dan vokal pendek dalam ayat bahasa Jepun oleh penutur Mandarin masih kurang. Oleh itu, pengkaji ingin meninjau lebih lanjut tentang kekeliruan dan penggunaan vokal panjang, vokal pendek dan konsonan dalam kalangan pelajar Cina. Kertas kerja ini akan mengenal pasti persamaan dan perbezaan sistem fonologi yang berkaitan vokal panjang, vokal pendek antara bahasa Jepun dan bahasa Mandarin. Seterusnya, analisis kesalahan akan dilakukan untuk melihat kemampuan pelajar bahasa Jepun yang merupakan penutur jati bahasa Mandarin untuk membezakan *choo on* atau vokal panjang atau pendek dalam bahasa Jepun.

PERSAMAAN DAN PERBEZAAN SISTEM FONOLGY VOKAL PANJANG DAN VOKAL PENDEK ANTARA BAHASA CINA DAN BAHASA JEPUN

Menurut Delahunty & Garvey (2010) vokal adalah dihasilkan dengan lancar, aliran udara tidak terhalang melalui saluran oral. Perbezaan dalam kualiti vokal dihasilkan oleh pelbagai bentuk rongga mulut. Kualiti vokal khas adalah ditentukan oleh ketinggian lidah di dalam mulut; bahagiannya lidah yang dibangkitkan (depan, tengah, atau belakang); konfigurasi bibir; dan ketegangan otot-otot saluran oral. Menurut ("Kamus Dewan Edisi Keempat," 2005), vokal adalah bunyi suara yang dilambangkan dengan huruf-huruf a, e, i, o, u.

Bahasa Jepun memiliki pasangan vokal panjang (dalam penelitian ini akan memakai istilah *choo'on* dan vokal pendek (*tan'on*). *Tan'on* terdiri dari vokal /a/, /i/, /u/, /e/, /o/, sedangkan *choo'on* terdiri dari vokal /a:/, /i:/, /u:/, /e:/ /o:/. Jadual 4.1 di bawah menunjukkan vokal bahasa Jepun yang berdasarkan Tsuji, Nishikawa, and Mazuka (2014).

Dalam bahasa Jepun, kosa kata yang mengandungi *choo'on* dan kosa kata yang tidak mengandungi *choo'on* mempunyai erti yang berbeza. Sebagai contoh perkataan *obasan* yang bererti makcik diucapkan dengan vokal pendek [a] dan kata *obaasan* yang ertinya nenek diucapkan dengan vokal panjang [a:].

Jadual 1: Vokal dalam bahasa Jepun berdasarkan Sho Tsuji, Kenya Nishikawa & Reiko Mazuka(2014)

	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	i		u
Separa tinggi	e		o
Rendah		a	

Dalam hiragana, panjang a, i, dan u, sentiasa dieja dengan menulis bunyi vokal dua kali, seperti dalam おかあさん(*okaasan*), うつくしい(*utsukushii*), dan ふうりん(*fuurin*). Panjang "e" kadang-kadang dieja dengan cara yang sama, dengan meletakkan aksara "e" selepas bunyi "e", seperti dalam おねえさん(*oneesan*), tetapi lebih lazimnya dieja dengan meletakkan aksara "i" selepas bunyi "e", seperti dalam せんせい(*sensei*). Panjang "o" biasanya dieja dengan meletakkan aksara "u" selepas bunyi "o", seperti dalam たいおう(*taiou*), tetapi ada juga di mana aksara pertama bunyi "o" diikuti oleh "o", seperti dalam とおい(*tooi*) dan おおきい(*ookii*). Terdapat juga kes di mana aksara "u" adalah sebagai salah satu bentuk konjugasi kata kerja seperti kata kerja おもう(*omou*) apabila dalam konjugasi bentuk kamus atau *jisyo kei* yang menamatkan sebutannya sebagai "u" dan ini tidak menunjukkan panjang untuk vokal "o".

Berbeza dengan bahasa Jepun, bahasa Cina pula adalah bahasa yang mempunyai *tone* atau nada. Makna kata-kata dalam bahasa Cina bergantung kepada tahap nada suku kata. Setiap suku kata dalam bahasa Cina mempunyai nada yang berbeza. Perubahan nada pada suku kata memberi perbezaan makna. Sebagai contoh, 'mai' dalam nada ketiga bermaksud membeli manakala 'mai' nada keempat bermaksud menjual. Kedua-dua suku kata mempunyai inisial dan bunyi vokal yang sama, tetapi nada yang berbeza telah memberi maksud yang berbeza.

Bagi bahasa Cina, Carden (2016) bersetuju bahawa bahasa Cina mempunyai lima fonem vokal: vokal tidak bundar depan sempit / i /, vokal bundar depan sempit / ü /, vokal bundar belakang sempit / u /, vokal tengah dan vokal rendah yang muncul dalam pelbagai bentuk permukaan. Berdasarkan transkripsi carta vokal dalam kajian Carden (2016), vokal terdiri daripada vokal tak bundar belakang separuh sempit [ɻ] dan / atau [ʌ], vokal bundar belakang [o] atau [ɔ], pusat [ə], vokal tak bundar depan [e] atau [ɛ], dan vokal bundar depan [ø]. Vokal rendah di permukaan iaitu belakang [ɑ], pusat [a], depan [æ] atau [ɛ]. Menurut Yi-Wen Cai & Hugo Yu-Hsiu Lee (2015) beliau mengatakan terdapat 35 vokal lagi dalam sistem bunyi bahasa Cina. Ini terdiri daripada lapan monoftong, sembilan diftong, dan empat triftong. Dalam monoftong terdapat [A], [o], [ɣ], [ɛ], [i], [u], [y], [ə]. Diftong mempunyai [ai], [ei], [au,] [ou], [iɛ], [yɛ], [iA], [uA], [uo] dan Triftong mempunyai [uei], [iou], [iau], [uai].

Jadual 4.2 Vokal dalam bahasa Mandarin dalam Hua Lin (2001)

	Depan		Tengah	Belakang	
	Tidak bundar	bundar		Tidak bundar	bundar
Tinggi	i	ü			u
Separuh tinggi	o				o
Rendah	a		a		

Menurut Lin (2001), tiga ciri mencukupi dalam membezakan vokal fonemik dalam bahasa Mandarin: depan / belakang, [tinggian] (tinggi / rendah) dan [bundaran] (bundar / tidak bundar). Tidak seperti bahasa lain, bahasa Mandarin mempunyai dua vokal depan tinggi, [i] dan [ü]. Walaupun [i] adalah vokal yang sangat umum sama dengan vokal Inggeris di denyutan, [i], yang diucapkan dengan lidah diletakkan seperti dalam [i] dan bibir yang diletakkan seperti dalam [u], yang tidak biasa. Vokal rendah / a / agak sama dengan vokal Inggeris [a] dalam father, vokal pertengahan / o / yang di dalam *boat*, dan belakang vokal / u / dalam *boot*.

Nada tidak dapat mengubah makna fonem bahasa Inggeris. Perkataan bahasa Inggeris mesti mempunyai corak intonasi tertentu untuk menyatakan makna yang berbeza, dengan cara ini; bahasa Inggeris dilabelkan sebagai bahasa intonasi. Shi JingYan (2013) mendapati vokal dalam bahasa Cina adalah lebih dominan berbanding konsonan kerana struktur suku kata bahasa Cina didominasi oleh vokal daripada segi bilangan. Vokal yang dibentuk jauh melebihi konsonan yang dibentuk oleh konsonan inisial, dan kebanyakan vokal mengandungi dua atau tiga jenis vokal. Oleh itu, nisbah vokal melebihi konsonan dan kelebihan dari segi bilangan ini menjadikan keadaan di mana vokal lebih dominan daripada konsonan dalam bahasa Cina.

Kozasa (2004) mengkaji hubungan antara dua sifat fonetik bahasa Jepun iaitu durasi dan *pitch* dan dua ciri penting fonologi iaitu kepanjangan vokal dan aksen. Kepanjangan vokal dan aksen secara fonologi adalah tersirat dalam bahasa Jepun standard dan kedua-dua ciri fonologi sukar untuk dikuasai oleh bukan penutur jati bahasa Jepun

Dalam bahasa Jepun, vokal panjang mempunyai fungsi untuk membezakan makna, iaitu vokal panjang akan menghasilkan makna yang berbeza dan statusnya sangat penting. Oleh itu, pada peringkat asas pembelajaran penting bagi pelajar memahami dengan betul perbezaan antara “vokal panjang” dan “vokal pendek”. Oleh kerana tidak ada perbezaan antara “vokal panjang” dan “vokal pendek” dalam bahasa Cina, pemerhatian awal mendapati ramai pelajar Cina tidak dapat membezakan antara vokal panjang dan pendek dan ini menimbulkan masalah dalam pemahaman dan ekspresi. Suku kata bahasa Jepun berbeza dari bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Mengambil hubungan antara suku kata dan aksen, vokal bahasa Inggeris beraksen biasanya vokal panjang. Bagi suku kata bahasa Cina selain nada pertama yang lebih pendek, jika disertai oleh nada kedua, ketiga dan nada keempat, suku kata cenderung memanjang jika dibaca. Sebaliknya, dalam bahasa Jepun, tekanan tidak menjejaskan panjang suku kata. Sebagai contoh: おおさか(Oosaka), えいが (eiga), えいぞう (eizou) dan sebagainya, walaupun tidak beraksen, tetapi kosakata adalah panjang.

Menurut Hou RenFeng (2013), bahasa Jepun tidak mempunyai diftong tetapi terdapat vokal panjang, dan panjang pendek vokal Jepun mempunyai makna yang berbeza. Seperti: *tori*

(burung), *toori* (jalan), *obasan* (mak cik), *obaasan* (nenek), *koto* (alat muzik), *kotoo* (pulau terasing), *kooto* (baju kot), *kootoo* (peringkat tinggi). Vokal panjang dan pendek membezakan makna perkataan tetapi sekali gus berfungsi sebagai cara untuk meningkatkan perbendaharaan kata dalam bahasa Jepun.

Dalam bahasa Inggeris, kerana vokal atau persekitaran bahasa yang berbeza, mungkin terdapat vokal panjang, tetapi ia tidak membawa perbezaan makna. Bahasa Mandarin tidak mempunyai vokal panjang atau pendek dalam sistem fonologinya, tetapi terdapat sejumlah besar diftong di dalam bahasa Cina dan sebutannya tergelincir dalam proses sebutan. Ini memberi kesan kepada pelajar Cina apabila mereka membuat bunyi yang panjang, terutamanya apabila bunyi yang panjang seperti "ㄨ" dan "ㄛ". Selalunya secara sedar atau tidak sedar, mereka cenderung mempunyai pergerakan meluncur.

Menurut Hara (2015) dalam kajian doktor falsafahnya, bahasa Jepun mempunyai lima vokal tersendiri iaitu / a, i, u, e, o / dan tidak ada diftong dalam inventori fonem vokal Jepun. Sebaliknya diftong adalah gabungan dua vokal seperti / ai /, / au /, / ae /, / ao / dan 16 penggabungan lain. Saito (1992) berhujah bahawa urutan vokal ini mempunyai ciri-ciri seperti diftong dalam keadaan tertentu. Malahan ada sarjana mengatakan bahasa Jepun mempunyai diftong. Walau bagaimanapun, status fonologi urutan vokal Jepun adalah berbeza dengan diftong dalam bahasa Inggeris. Ini adalah kerana semua vokal Jepun adalah monoftong, dan gabungan vokal dianalisis sebagai dua suku kata.

Menurut Hou RenFeng (2013) sistem vokal bahasa Mandarin dan bahasa Inggeris mempunyai diftong, seperti bahasa Cina [ai ei ao uo]. Dalam bahasa Jepun tidak mempunyai diftong, walaupun dalam bahasa Jepun terdapat fenomena seperti *ai* (cinta), *kai* (mesyuarat), *kui* (longgokan), tetapi *ai* (bertemu), *ka+i* (perintah yang rendah), *ku+i* (makna frasa), kesinambungan vokal tidak menjadi penentangan terhadap fonologi. Mereka masih dianggap sebagai vokal yang berasingan, jadi keenam kata-kata ini semua boleh dianggap sebagai vokal + vokal, dan ia bukan diftong. Dalam bahasa Jepun dan bahasa Cina terdapat perbezaan yang ketara dalam sebutan vokal, saiz pembukaan, bahagian sebutan dan cara sebutan. Sebagai contoh, bahasa Cina [u] / u / dan bahasa Jepun [ㄨ] / u / boleh dipanggil bunyi serupa, tetapi mereka adalah sedikit berbeza. Perbezaannya adalah bahawa sebutan [u] dalam bahasa Cina lidahnya sedikit diregangkan ke depan dan bibir menonjol ke depan iaitu bibir bulat. Sebutan [ㄨ] dalam bahasa Jepun adalah bahawa lidah sedikit ditarik balik dan bibir berpecah pada kedua-dua sisi. Ini adalah bibir rata (bibir rata). Dari perspektif sama ada bibir bulat (kedepanan dan kebelakangan lidah), bahasa Cina mempunyai 3 vokal bundar /u/ /o/ /v/ , sedangkan bahasa Jepun hanya mempunyai satu iaitu /o/.

Fonem vokal tengah yang hadir dalam kedua-dua sistem vokal bahasa Cina dan bahasa Jepun ialah / a / yang dihasilkan dalam keadaan bibir tidak dibundarkan. Selain itu, fonem vokal /u/ dalam bahasa Jepun dan bahasa Cina adalah vokal sempit iaitu kedudukan lidah yang tinggi dalam mulut. Vokal yang berbeza ditentukan oleh bentuk mulut. Bentuk mulut menentukan ketinggian lidah, kedepanan dan kebelakangan lidah menentukan kebundaran bibir.

Fonem vokal belakang yang hadir dalam kedua-dua sistem vokal bahasa Jepun dan bahasa Cina ialah vokal /o/. Terdapat jumlah diftong yang besar dalam bahasa Cina dan ciri yang

paling penting dalam sebutan diftong adalah bahawa bentuk mulut harus meluncur. Dalam bahasa Cina, bentuk mulut gelongsor apabila disebut bukan sahaja berlaku dalam bunyi diftong, tetapi juga monoftong seperti [e] / γ / dan [o] / o / , sebutan bentuk mulut juga sedikit gelongsor. Manakala terdapat lima huruf vokal dalam bahasa Jepun, hanya satu vokal yang boleh disebutkan. Seperti [え] / e / , [お] / o / . Oleh itu, sebutan mulut ditetapkan dan tidak akan gelongsor. Bahasa Cina tidak mempunyai monoftong yang sesuai dengan vokal bahasa Jepun tersebut. Hal ini demikian, terdapat banyak orang yang tersilap percaya bahawa diftong bahasa Cina [ei] [ou] sepadan dengan [え] dan [お] masing-masing, dan ini digunakan untuk menggantikan sebutan tersebut. Oleh itu, bahagian sebutan tidak dapat dielakkan akan gelongsor dan menyebabkan tempo (suku kata) terlalu lama. Akibatnya, dua huruf vokal akan didengar *ateru* didengar sebagai *ataeru*.

Jadual 3: Senarai vokal dengan atribut tempat dalam Bahasa Cina (CH) dan bahasa Jepun (JP) berdasarkan Richeng Duan, Tatsuya Kawahara, Masatake Dantsuji & Jinsong Zhang (2017)

Atribut	Daerah		Fon Set
Kebelakangan	Depan	CH: i ü	JP: i e
	Pusat	CH: a	JP: a u
	belakang	CH: e u o	JP: o
Ketinggian	Tinggi	CH: i u ü	JP: i u
	tengah	CH: o e	JP: e o
	rendah	CH: a	JP: a
Kebundaran	Tidak bundar	CH: a i e	JP: a i e
	Bundar	CH: o u ü	JP: o

Dalam bahasa Jepun, vokal panjang mempunyai fungsi untuk membezakan makna, iaitu vokal panjang akan menghasilkan makna yang berbeza dan statusnya sangat penting. Oleh itu, pada tahap pemulaan penting bagi pelajar memahami dengan betul perbezaan antara “vokal panjang” dan “vokal pendek”. Oleh kerana tidak ada perbezaan antara “vokal panjang” dan “vokal pendek” dalam bahasa Cina, banyak pelajar Cina sering tidak dapat membezakan antara vokal panjang dan pendek dan ini menimbulkan masalah dalam pemahaman dan ekspresi bahasa Jepun. Suku kata bahasa Jepun berbeza dari bahasa Inggeris dan bahasa Cina. Mengambil hubungan antara suku kata dan aksen, vokal bahasa Inggeris beraksen biasanya vokal panjang. Sebagai tambahan kepada suku kata bahasa Cina selain nada pertama yang lebih pendek, jika disertai oleh nada kedua, ketiga dan nada keempat, suku kata cenderung memanjang jika dibaca. Sebaliknya, bahasa Jepun tidak menjejaskan panjang suku kata kerana tekanan. Sebagai contoh: おおさか(Oosaka), えいが (eiga), えいぞう (eizou) dan sebagainya, walaupun tidak beraksen, tetapi kosakata adalah panjang.

TEORI ANALISIS KONTRASTIF DAN ANALISIS KESALAHAN

Kajian ini mengaplikasikan kaedah Analisis Konstratif dan Analisis Kesalahan sebagai kaedah kajian. Menurut Corder (1982), Analisis Kesilapan dibangunkan berdasarkan kepada Teori Konstratif. Teori analisis kontrasif merupakan teori yang kerap diguna pakai dalam bidang

pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Teori ini berdasarkan kepada hipotesis bahawa kesilapan pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua dipengaruhi oleh gangguan interlingual negatif dari bahasa ibunda mereka. Dalam maksud lain, pembelajaran bahasa asing mempunyai hubungan erat dengan persamaan dan perbezaan linguistik antara dua bahasa.

Analisis kesilapan pula adalah sejenis kajian linguistik yang memberi tumpuan kepada kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Ia terdiri daripada perbandingan antara kesilapan yang dibuat di dalam bahasa kedua tersebut. Kedua-dua analisis ini sesungguhnya saling melengkapi dalam usaha membangunkan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing yang efektif. Ellis (1994) menyenaraikan empat langkah pelaksanaan Analisis Kesalahan. Langkah pertama ialah pengumpulan sampel bahasa pelajar, kedua adalah pengenalpasti kesilapan, ketiga adalah penerangan kesalahan, dan penjelasan kesilapan. Melalui tahap tersebut, kesilapan dapat disimpulkan dengan lebih mudah.

Kesalahan pelajar dipengaruhi oleh sekumpulan faktor penting. Ellis (1994) menegaskan bahawa faktor-faktor ini penting dalam usaha “mengumpul sampel bahasa pelajar yang jelas supaya kenyataan yang jelas dapat dibuat mengenai apa jenis kesalahan yang pelajar hasilkan dan dalam keadaan apa pelajar akan membuat sedemikian”. Pengenalpastian kesilapan adalah berbeza daripada menjelaskan kesilapan. Corder (1982) menyediakan satu 37 model umum untuk mengenal pasti kesilapan dalam ucapan pelajar bahasa kedua (L2) atau pelajar bahasa asing (FL). Model Corder menunjukkan kemungkinan kesilapan pelajar mungkin dikaitkan dengan gangguan daripada bahasa ibunda mereka sendiri. Seterusnya, penerangan mengenai kesilapan membantu dalam usaha untuk membuat kategori dan subkategori kesilapan yang dilakukan oleh FL.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada analisis kontrasif dan analisis kesilapan. Analisis kontrasif ini berdasarkan pada tanggapan bahawa masalah pembelajaran dan penguasaan bahasa asing oleh seseorang pelajar adalah disebabkan oleh perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa asing. Berikut adalah langkah-langkah kajian ini:

- i Menyediakan soalan kertas ujian
- ii Merekod audio untuk diperdengarkan kepada responden.
- iii Mengelola soalan kertas ujian
- iv Menganalisis data dan menjelaskan data

Responden terdiri daripada pelajar pentutur natif bahasa Cina dan mengambil bahasa Jepun sebagai kursus elektif wajib di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesemua responden/sampel ini telah mempelajari bahasa Jepun selama 3 bulan hingga 6 bulan.

Instrumen ujian telah dijalankan yang melibatkan penyediaan satu kertas soalan ujian. Dalam kertas ujian tersebut maklumat yang terkandung adalah jantina, umur, fakulti, tahap bahasa Jepun dan bahagian soalan yang memerlukan responden membezakan vokal panjang dan vokal pendek. Soalan vokal panjang dan vokal pendek diambil daripada kajian Tomoko Kozasa (2014) yang

bertajuk *The Interaction of Duration and Pitch in Japanese Long Vowels*. Berikut adalah soalan-soalan tersebut.

SOALAN UJIAN MEMBEZAKAN VOKAL PANJANG DAN VOKAL PENDEK

- | | |
|---|--|
| 1. sakki <u>aa</u> ru to iimashita | sakki <u>a</u> ru to iimashita |
| 2. watashi wa <u>naa</u> su ga suki desu | watashi wa <u>na</u> su ga suki desu |
| 3. sono <u>kaa</u> do fuite | sono <u>ka</u> do fuite |
| 4. kore wa <u>kee</u> desu | kore wa <u>ke</u> desu |
| 5. kawaii <u>bee</u> ru da ne | kawaii <u>be</u> ru da ne |
| 6. watashi ga <u>ree</u> ji ni iku | watashi ga <u>re</u> ji ni iku |
| 7. kyonen mo <u>seet</u> o-wo tazuneta | kyonen mo <u>set</u> o-wo tazuneta |
| 8. kono <u>bi</u> iru ga takai | kono <u>bi</u> ru ga takai |
| 9. ano <u>chi</u> izu ga hoshii | ano <u>chi</u> zu ga hoshii |
| 10. kinou <u>ni</u> isan ga roku to kotaeta | kinou <u>ni</u> san ga roku to kotaeta |
| 11. yamamichi o <u>roo</u> ba ga oruiteiru | yamamichi o <u>ro</u> ba ga oruiteiru |
| 12. kore ga <u>do</u> oki no sakura desu | kore ga <u>do</u> ki no sakura desu |
| 13. sore ga <u>ko</u> oi no araware desu | sore ga <u>ko</u> i no araware desu |
| 14. ima <u>ku</u> uru to iimashita | ima <u>ku</u> ru to iimashita |
| 15. kimi o <u>Yu</u> uki to yoboo | kimi o <u>Yu</u> ki to yoboo |
| 16. ano hito ga <u>Yu</u> uka san desu | ano hito ga <u>Yu</u> ka san desu |
| 17. Jyon ga <u>su</u> uri ni yarareta | Jyon ga <u>su</u> ri ni yarareta |

Tujuh belas soalan yang terdiri daripada vokal panjang dan vokal pendek yang berasaskan *chou-on* dan bunyi perkataan yang dari bahasa asing. *Chou-On* merupakan pemanjangan vokal / a,i,u,e,o/ seperti yang digariskan dalam senarai soalan di atas.

Data dianalisis secara kuantitatif berdasarkan pemilihan ayat dengan audio yang diperdengarkan. Semua data yang dikumpul, direkodkan dan seterusnya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 23. Selain itu, SPSS juga digunakan untuk mengeluarkan maklumat atau data kategori deskriptif dan inferensi. Kekekapan dan peratusan digunakan untuk mendapat maklumat tentang jantina, umur, fakulti, bahasa ibunda di rumah, pendidikan sekolah menengah pelajar, pendidikan sekolah rendah pelajar dan kelas asas pembelajaran bahasa Jepun.

Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan kaedah pemarkahan dalam bentuk peratusan. Pemarkahan dalam bentuk peratusan digunakan untuk menilai tahap pencapaian vokal panjang, vokal pendek dan konsonan dalam bahasa Jepun oleh pelajar Cina yang bertutur bahasa Cina. Pengkaji melakukan analisis terhadap bentuk kesalahan dengan menggunakan pemarkahan dalam bentuk peratusan seperti berikut:

$$P = \frac{n}{N} \times 100 \%$$

n = Nilai yang diperoleh

N = Jumlah seluruh nilai

DAPATAN KAJIAN

Seramai 37 orang pelajar berketurunan Cina yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa ibunda dipilih secara rawak untuk menjawab kertas soalan ujian ini. Kajian kertas soalan ini hanya mengukur kemampuan membezakan vokal panjang, vokal pendek oleh pelajar Cina yang bertutur bahasa Cina sebagai bahasa ibunda dan mengambil bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesemua responden ini belajar bahasa Jepun dengan menggunakan buku yang sama iaitu “Minna no Nihongo dan telah mempelajari bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia antara 4~6 bulan. Berikut adalah senarai vokal panjang dan vokal pendek yang menerima peratusan kesilapan tertinggi daripada 17 pasangan vokal panjang dan vokal pendek yang disenaraikan di atas. Peratusan responden yang membuat kesilapan daripada keseluruhan 37 responden.

Jadual 4: Senarai vokal panjang dan vokal pendek yang menerima peratusan kesilapan tertinggi

No Soalan	Perkataan	Peratusan
1	aaru	46%
9	chiizu	49%
10	nisan	70%
15	yuuki	51%
17	suri	54%

1.

Vokal depan /a/

sakki aaru to iimashita
sakki aru to iimashita

Pelajar Cina membuat banyak kesilapan dalam ayat *sakki aaru to iimashita* dan *sakki aru to iimashita*. Pelajar mungkin mampu membezakan setiap perkataan demi satu perkataan tetapi apabila perkataan ini diletakkan di dalam satu ayat kekeliruan akan berlaku. Responden mendengar vokal panjang sebagai vokal pendek *aru*. Pelajar Cina menghadapi masalah untuk membezakan vokal panjang dan vokal pendek /a/ yang digunakan di depan perkataan berbanding dengan vokal panjang dan vokal pendek /a/ yang diletakkan di tengah perkataan seperti *naasu* dan *kaado*.

2.

Vokal tengah /i/

ano chiizu ga hoshii
ano chizu ga hoshii
kinou niisan ga roku to kotaeta
kinou nisan ga roku to kotaeta

Ramai pelajar Cina membuat kesilapan dalam ayat *ano chiizu ga hoshii* dan *ano chizu ga hoshii*. Responden menghadapi masalah dalam vokal panjang dan vokal pendek *chiizu* dan vokal pendek *chizu*. Responden keliru mendengar vokal panjang sebagai vokal pendek *chizu*. Responden juga keliru apabila mendengar vokal panjang dan vokal pendek /i/ yang digunakan di tengah perkataan itu. Selain itu, pelajar Cina juga membuat kesilapan dalam ayat *kinou niisan ga roku to kotaeta* dan *kinou nisan ga roku to kotaeta*. Responden juga keliru dengan penggunaan vokal /i/ di tengah perkataan tersebut.

Keliruan berlaku dalam ayat *ano chiizu ga hoshii* dan *ano chizu ga hoshii* mungkin disebabkan perkataan *chiizu* dan *chizu* ada sedikit persamaan dengan bunyi chi dalam bahasa Cina. Oleh itu, pelajar mungkin terpengaruhi oleh bunyi tersebut kerana dalam bahasa Cina tidak mempunyai vokal panjang dan vokal pendek. Selain itu, pelajar membuat kesilapan dalam *konou niisan ga roku to kotaeta* dan *konou nisan ga roku to kotaeta* mungkin disebabkan dalam bahasa Cina tidak mempunyai vokal panjang dan vokal pendek dalam sistem fonologi dan sebutan tergelincir yang dilakukan oleh pelajar cina akan memberi kesan kepada mereka apabila membuat bunyi panjang, terutama dalam bunyi panjang seperti /i/.

3.

Vokal tengah /u/

1. kimi o Yuuki to yoboo
kimi o Yuki to yoboo
2. Jyon ga suuri ni yarareta
Jyon ga suri ni yarareta

Pelajar Cina keliru dalam ayat *kimi o Yuuki to yoboo* dan *kimi o Yuki to yoboo*. Dalam ayat ini, separuh pelajar Cina membuat kesilapan. Responden mendengar vokal panjang sebagai vokal pendek *Yuki*. Responden juga membuat kesilapan dalam ayat *Jyon ga suuri ni yarareta* dan *Jyon ga suri ni yarareta*. Responden mendengar vokal pendek sebagai vokal panjang *suuri*. Responden keliru apabila mendengar vokal panjang dan vokal pendek /u/ yang digunakan di tengah perkataan tersebut. Ini mungkin disebabkan bahasa Cina /u/ dan bahasa jepun う /u/ adalah serupa tetapi ada sedikit perbezaan dalam pergerakan bibir dan lidah.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mencerakin pemerhatian dalam mengukur kelemahan pelajar penutur jati bahasa Cina serta memberikan maklumat terperinci berkenaan kelemahan pelajar Cina dalam memahami vokal panjang dan vokal pendek dalam bahasa Jepun. Dalam negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia, pengajar-pengajar bahasa Jepun berdepan dengan pelajar yang mempunyai bahasa jati dan budaya yang berbeza. Akibatnya, pengajar cenderung untuk mengajar bahasa Jepun berdasarkan pemahaman terhadap bahasa dan budaya pengajar semata-mata. Ini boleh mengakibatkan pengajar terlepas pandang pemahaman pelajar yang mempunyai budaya dan bahasa yang berbeza dengan budaya dan bahasa pengajar itu sendiri. Kajian ini tidak seharusnya terhenti terhadap pelajar penutur jati bahasa Cina semata-mata dan boleh dikembangkan terhadap pelajar penutur jati bahasa lain di Malaysia seperti Melayu dan Tamil.

RUJUKAN

- Carden, K. A. (2016). Vowel-consonant interaction in two dialects of Mandarin.
- Corder, S. P. (1967). The significance of learner's errors. *IRAL-International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 5(1-4), 161-170.
- Corder, S. P. (1982). *Error analysis and interlanguage* (Vol. 198): Oxford university press.
- Delahunty, G. P., & Garvey, J. J. (2010). *The English language: from sound to sense*: WAC Clearinghouse.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*: Oxford University.
- Hara, I. (2015). *An Acoustic Analysis of Vowel Sequences in Japanese*. (Doctorate), New Castle University.
- Hou RenFeng. (2013). *Ciri Fonemik Bahasa Jepun berbanding Bahasa Cina dan Inggeris*: Xi'an Jiaotong University Press.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kozasa, T. (2004). *The interaction of duration and pitch in Japanese long vowels*. Paper presented at the Annual Meeting of the Berkeley Linguistics Society.
- Lin, H. (2001). *A grammar of Mandarin Chinese* (Vol. 344): Lincom Europa.
- Saito, S. (1992). *Speech science and technology*: IOS press.
- Shi JingYan. (2013). Kajian Perbandingan Pengajaran Fonetik Bahasa Mandarin dan bahasa Jepun berdasarkan sebutan Mandarin dan Jepun. *Jintian*, 11, 226-229.
- Tsuji, S., Nishikawa, K., & Mazuka, R. (2014). Segmental distributions and consonant-vowel association patterns in Japanese infant-and adult-directed speech. *Journal of child language*, 41(6), 1276-1304.